

# Tambang haji tahun depan tak mungkin diturunkan

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Tambang dan perbelanjaan untuk menunaikan fardu haji ke Mekah untuk tahun depan tidak mungkin dapat dikurangkan, Menteri Tak Berportfolio di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi memberitahu Dewan Rakyat hari ini.

Ini, katanya, disebabkan tambang kapal terbang pada amnya sama ada untuk menunaikan fardu haji atau pelancongan biasa bagi seluruh dunia mungkin tidak dapat diturunkan lagi kerana kenaikan harga minyak dan keadaan semak meningkat.

Menjawab soalan Haji Mohd Zain bin Abdullah (PAS-Bachok), beliau memberitahu, tidak ada langkah baru yang boleh diambil



DATUK ABDULLAH

oleh Kerajaan Malaysia untuk mengurangkan tambang dan perbelanjaan haji ini.

Beliau bagaimanapun memberitahu, Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) akan berkhidmat meminta MAS menggunakan kapal-kapal terbangnya sendiri tanpa menyewa dari syarikat asing untuk memungkinkan penurunan tambang haji.

"Ini juga bergantung kepada faktor-faktor lain seperti berunding dengan pihak Penerbangan Kebangsaan Arab Saudi (Saudia) supaya royalti yang dikenakan oleh Saudia kepada tiap jemaah haji asing dengan penerbangan cator dikurangkan," ujarnya.

Mengenal belanjara saat hidup di tanah suci, pihak LUTH, katanya, tidak dapat berbuat apa-apa kerana

keadaan inflasi melanda negeri itu dan bayaran sara hidup di Arab Saudi juga terlintas dan sukar untuk diturunkan.

Bagaimanapun, beliau memberitahu, pihak LUTH tahun ini telah berjaya mendapatkan perolehan sebanyak sepuluh kali Haji menurukan bayaran di Mekah, Arafah dan Mina dari SR2,000 kepada SR1,600.

"LUTH hanya dapat berunding, kerana kuasa mutlak dalam perkara ini mengikut undang-undang Arab Saudi adalah kuasa Syekh Haji," jelasnya.

Menjawab soalan tambahan Encik Tajol Rosli (BN-Girik), Datuk Abdullah berkata, Kerajaan akan mengarahkan LUTH menyalat sekiranya terdapat aduan ada an-

tara jemaah-jemaah haji kita diberikan layanan yang tidak seimbang dengan bayaran yang dikenakan.

"Bagaimanapun, LUTH hanya boleh berunding dan memujuk pihak Syekh-syekh Haji itu untuk membenarkan layanan yang sewajarnya," ujarnya.

Encik Tajol ingin tahu tindakan yang boleh diambil oleh LUTH terhadap layanan berbeza antara satu tempat dengan satu tempat walaupun bayarannya serupa.

Menjawab soalan tambahan, Haji Mohd Zain Datuk Abdullah berkata, setakat ini Kerajaan tidak berhasrat untuk membenarkan subsidi kepada bukal-bukal haji Malaysia untuk mengurangkan beban perbelanjaan haji mereka.

## Tiada lagi ujian penilaian darjah tiga tahun depan

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Sulaiman Haji Daud hari ini mengumumkan, Ujian Penilaian Darjah Tiga (UDT) akan dihapuskan tahun depan.

Beliau juga memberitahu, Peperiksaan Penilaian Darjah Lima (PPDL) akan dihapuskan sebagai Kementerian Pelajaran berpuas hati perjalanan dan kekejaman sistem penilaian baru yang akan berasaskan konsep Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR).

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

## \$1.113 billion dilulus untuk pembangunan

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menekankan pentingnya dilancarkan revolusi semangat di kalangan rakyat untuk meningkatkan taraf pencapaian negara selindung dengan negara-negara maju.

"Revolusi mental sudah berjalan dan kita sudah mempunyai orang-orang bijak tetapi masih semangat," ujarnya sewaktu mengulung perbahasan anggaran belanjawan kementerian itu di Dewan Rakyat lewat petang semalam.

Anggaran belanjawan berjumlah \$1.113 billion diluluskan.

Encik Sanusi berkata, revolusi begitu penting untuk mewujudkan rakyat yang sanggup berkorban, berdiar dan bergetong-rojong semata-mata untuk pembangunan diri sendiri dan negara.

Beliau berkata, semua kemudahan seperti infrastruktur dan pelajaran tidak akan berjaya mengubah cara hidup rakyat tanpa semangat ingin maju.

Mengenal kegiatan koperasi, beliau mengingatkan arahan kementerliannya kepada

koperasi-koperasi, mereka sepatutnya telah mengadakan mesyuarat agung masing-masing.

Menurut arahan yang dikeluarkan, semua koperasi terpaksa mengadakan mesyuarat agung masing-masing dalam masa sebulan selepas kementerian itu dihidupkan semula.

Sekiranya mereka gagal, secara automatik gugur dari senarai koperasi-koperasi yang dibenar bergerak.

**Langkah**

Beliau juga mengingatkan para pentadbir, auditor supaya mematuhi segala peraturan yang telah digariskan seperti menggunakan buku panduan audit yang disediakan.

Sekiranya tidak nama mereka akan digugurkan dari nama-nama auditor koperasi yang disenarai.

Segala tindakan ini, katanya, adalah sebagai langkah menghadapi cabaran baru di bidang koperasi.

Menteri itu juga menasihatkan pengerusi-pengerusi koperasi-koperasi yang lemah dan baru serta mendapat gaji besar supaya mengundurkan diri.

"Soal menghapuskan ujian ini serta UDT telahpun diperkatakan oleh awatankuasa Kabinet dalam laporannya dan penghapusan adalah nanti-nantikan oleh umum kerana ia akan mengurangkan lagi tekanan peperiksaan puat terhadap murid-murid," jelasnya.

Beliau mengemukakan demikian di Dewan Rakyat hari ini sewaktu menjawab soalan Encik Alina bin Ali (BN-Ulu Trengganu).

### Kecapaian

Datuk Dr. Sulaiman berkata, PPDL yang bertujuan mengesan kemajuan dan kelemahan murid-murid di akhir darjah lima yang dimulakan sejak tahun 1967, didapati tidak mencapai objektif yang diharapkan.

Untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan, kementerliannya lambah lebih lagi, akan mencarut secara percubaan kurikulum sekolah rendah di darjah satu dan beberapa buah sekolah tahun depan.

"Asas utama KBSR adalah perkembangan individu ke tahap setinggi mungkin bergantung kepada kebolehan dan minatnya.

### MENTERI Pelajaran, Datuk Dr. Sulaiman Haji Daud akan mengadakan akhbar khasnya tidak lama lagi untuk menjelaskan dengan terperinci penghapusan ujian penilaian darjah tiga dan darjah lima serta pelancongan kurikulum baru sekolah rendah (KBSR) mulai tahun depan.

"Dengan ini, sistem penilaian berdasar KBSR hendaklah memberi perhatian bukan sahaja kepada pencapaian murid, tetapi juga kepada perkembangan bakat dan peribadinya dengan rakan sebayanya," jelasnya lagi.

Sehubungan dengan ini, kata Menteri Pelajaran itu, sistem penilaian baru yang dirangkaikan sesuai untuk KBSR akan mengandungi alat-alat seperti berikut:

### Teknik

- Bukan dipisahkan peringkat kebagasaan;
  - Bertujuan untuk membantu dalam pembelajaran dan kerja-kerja pemuliharaan;
  - Berocak pelbagai bentuk;
  - Didadikan secara berturutan supaya kelihatan sebagai satu kesatuan yang tidak terpisahkan;
  - Digubal, ditadur serta diperkasa oleh guru sendiri.
- Datuk Dr. Sulaiman juga mengemukakan, kementerliannya beradang mengadakan rancangan besar-besaran untuk memberi latihan asas mengenai teknik penggabungan alat penilaian kepada guru-guru sekolah rendah di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.
- Selaitan itu, akan menekankan kepada penilaian bentuk dan kaedah penilaian serta bagaimana semua aspek perkembangan murid yang merangkumi bidang pengetahuan, sikap dan kerohanian dan pererakan dan pererakan.